

RM20j naik taraf tandas awam KL

Kuala Lumpur: Jabatan Wilayah Persekutuan menerima peruntukan sebanyak RM20 juta bagi menaik taraf tandas awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan kepada tandas BMW (bersih, menawan dan wangi).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata peruntukan itu turut merangkumi penambahan 200 unit MyKios dan penambahbaikan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan banjir di bawah selenggaraan DBKL.

“Peruntukan itu merupakan antara hasil perbincangan bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming serta delegasinya.

“Perbincangan turut tertumpu kepada kerja-

sama meliputi isu-isu dasar serta inisiatif terkait dengan aspek perumahan, landskap dan juga bandar pintar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan,” katanya menerusi ciapan di laman X.

Beliau berkata inisiatif itu juga adalah persediaan

mendepani

Tahun Melawat Malaysia

2026 dan

kepengurusan Malaysia

dalam Asean pada

2025 yang bakal

menyaksikan pelbagai

program

serta mesyuarat peringkat rantau itu dilaksanakan di sini.

“Pihak DBKL akan mengenal pasti 30 kawasan

sekitar ibu kota yang akan dibangunkan dengan

projek *pocket parks* di mana ia adalah

pembangunan landskap perbandaran bagi tujuan

pengindahan Kuala Lumpur,” katanya.

“

Inisiatif itu juga adalah persediaan mendepani Tahun Melawat Malaysia

2026

Dr Zaliha